



How to cite this article:

Abdul Wahab, N., Md Abdul Salam, N., & Mohamad Dahalan, H. (2022). Harlida, A.B., Rozita, A. (2022). Modul latihan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak di Malaysia: Satu cadangan penambahbaikan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25. 141-168. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.7>

**MODUL LATIHAN PENASIHAT MAHKAMAH BAGI  
KANAK-KANAK DI MALAYSIA: SATU CADANGAN  
PENAMBAHBAIKAN**

*(Training Module for Children Court Advisors in Malaysia:  
An Improvement Proposal)*

<sup>1</sup>Norazla Abdul Wahab, <sup>2</sup>Hammad Mohamad Dahalan &  
<sup>3</sup>Nur Zulfah Md Abd Salam  
Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>1</sup>*Corresponding author: [norazla@kuis.edu.my](mailto:norazla@kuis.edu.my)*

Received: 16/2/2022 Revised: 5/4/2022 Accepted: 10/11/2022 Published: 30/11 2022

**ABSTRAK**

Penubuhan Mahkamah bagi Kanak-kanak (MBKK) dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak bertujuan memberikan perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak. Mahkamah ini dianggotai oleh seorang Majistret dan dibantu oleh dua orang penasihat seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 11(2) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001). Penasihat MBKK berperanan menasihati Majistret dalam memberikan perintah kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Namun penasihat MBKK berdepan cabaran untuk

menasihati mahkamah akibat kurang pendedahan kepada modul dan latihan berkaitan. Sekyen 11 AKK 2001 juga tidak memperuntukkan keperluan latihan bagi penasihat MBKK. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti modul dan latihan sedia ada berserta isu dan cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK dan pihak-pihak terlibat berkaitan pelaksanaan modul dan latihan tersebut. Analisis dibuat terhadap jurnal akademik, dokumen perundangan dan modul berkaitan. Temu bual separa struktur turut dijalankan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan lima orang penasihat MBKK (mewakili kawasan bandar dan luar bandar) bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK. Kajian mendapati modul latihan bagi penasihat MBKK telah dibangunkan pada tahun 2013 oleh JKM dan Fakulti Undang-undang (FUU), Universiti Malaya yang mencakupi aspek perundangan. Namun terdapat beberapa kekangan dalam pelaksanaan modul latihan tersebut. Kajian ini mencadangkan kerangka penambahbaikan kepada modul dan latihan penasihat MBKK bagi meningkatkan wibawa serta profesionalisme penasihat MBKK selain membantu mereka untuk berperanan secara efektif dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia.

**Kata kunci:** Kanak-kanak, Latihan, Mahkamah bagi Kanak-kanak, Modul, Sistem Keadilan Jenayah Kanak-kanak.

### ***ABSTRACT***

*The establishment of the Court for Children in the juvenile justice system aims to provide legal protection for the children. The court comprises a Magistrate and is assisted by two advisors as provided in section 11 (2) of the Child Act 2001. The role of the Children Court Advisor is to advise the Magistrate as well as the children who are in conflict with the law and if necessary to advise the parents or guardians of the children. In many occasions, the Children Court Advisors have difficulties in advising the court. It is because of the lack of exposure to the modules and trainings relating to that. Furthermore, section 11 of Child Act 2001 does not provide for training requirements for Children Court Advisor. Thus, this study aims to identify the existing modules and training as well as the issues and challenges faced by Children Court Advisor and the related parties in the implementation of such modules and training. An analysis is made on the academic journals,*

*legal documents and related modules. Semi -structured interviews were also be conducted with the Social Welfare Department (JKM), Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) and five Children Court Advisors that are representing the urban and rural areas. It is to identify the issues and challenges faced by Children Court Advisor as regards to the training modules. The study found that JKM and the Faculty of Law (FUU), University of Malaya have developed the training module for Children Court Advisor in 2013. However, there are some constraints in implementing such modules and trainings. This study proposes an improvement on the training modules of Children Court Advisor in order to increase the credibility and professionalism of the advisors as well as to help them to play an effective role in the juvenile justice system in Malaysia.*

**Keywords:** *Children, Training, Courts for Children, Modules, Juvenile Justice System.*

## **PENGENALAN**

Sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia telah ditambah baik dengan penubuhan Mahkamah bagi Kanak-kanak (MBKK) yang bertujuan memberikan perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak sama ada mereka dihadapkan di Mahkamah sebagai pesalah atau mangsa kepada perlakuan jenayah orang lain (Farah Nini, 2007). Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 (AKK 2001) mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun.

Seorang kanak-kanak berhak untuk dilindungi dan dilayan dengan adil serta tidak didiskriminasi dalam sistem keadilan jenayah (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007) walaupun pada ketika mereka didapati telah melakukan kesalahan jenayah (Wafaa & Anita, 2014). Hal ini selaras dengan Artikel 37 dan 40 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*) berkaitan pentadbiran keadilan juvena serta perihal berkaitan penyeksaan dan perlucutan hak kebebasan pesalah kanak-kanak.

Artikel 37 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) memperuntukkan bahawa:

- a) *Tiada kanak-kanak boleh tertakluk kepada penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Tiada hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup tanpa kemungkinan untuk*

- dilepaskan boleh dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang yang di bawah umur lapan belas tahun;
- b) *Tiada kanak-kanak boleh dilucuthakkan kebebasannya dengan menyalahi undang-undang atau secara sewenang-wenangnya. Penangkapan, penahanan atau pemenjaraan kanak-kanak hendaklah menepati undang-undang dan hendaklah digunakan hanya sebagai langkah terakhir dan untuk tempoh masa yang paling sesuai yang paling singkat;*
  - c) *Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dilayan dengan perikemanusiaan dan dengan hormat bagi maruah diri manusia yang sedia ada, dan mengikut cara yang mengambil kira keperluan orang yang sama umur dengannya. Secara khusus, tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasan hendaklah dipisahkan daripada orang dewasa melainkan jika ia disifatkan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu untuk tidak berbuat demikian dan hendaklah mempunyai hak untuk mengekalkan perhubungan dengan keluarganya melalui surat-menyurat dan lawatan kecuali dalam hal keadaan yang luar biasa;*
  - d) *Tiap-tiap kanak-kanak yang dilucuthakkan kebebasannya hendaklah mempunyai hak untuk akses yang cepat kepada bantuan guaman dan bantuan sesuai yang lain serta hak untuk mencabar kesahan pelucuthakkan kebebasannya di hadapan mahkamah atau pihak berkuasa lain yang berwajib, bebas dan saksama, dan kepada keputusan yang cepat mengenai apa-apa tindakan yang sedemikian.*

Manakala Artikel 40 CRC telah menerangkan dengan terperinci berkaitan pentadbiran keadilan juvena. Antaranya ialah seorang kanak-kanak yang dituduh telah melanggar undang-undang hendaklah mempunyai jaminan dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang, dimaklumkan dengan segera pertuduhan-pertuduhan terhadapnya melalui ibu bapanya atau penjaga dan diberi bantuan guaman atau bantuan lain yang munasabah, keputusan kes perlu diputuskan tanpa kelengahan oleh pihak berkuasa yang berwajib dan hendaklah dikendalikan dengan bebas dan saksama dalam sesuatu perbicaraan adil mengikut undang-undang serta kanak-kanak tidak boleh dipaksa memberikan testimoni atau pengakuan salah.

Seterusnya, sekiranya kanak-kanak tersebut dianggap telah melanggar undang-undang, dia berhak untuk mengkaji atau merayu keputusan

tersebut dengan pihak berkuasa yang berwibawa, bebas dan saksama yang lebih tinggi atau badan kehakiman mengikut undang-undang, mendapatkan bantuan percuma penterjemah jika kanak-kanak itu tidak boleh dan memahami atau bercakap dalam bahasa yang digunakan serta memastikan privasinya dihormati sepenuhnya dalam semua peringkat prosiding (Artikel 40 CRC). Peruntukan dalam Artikel 40 CRC ini telah diadaptasi dalam Bahagian X Akta Kanak-kanak 2001.

Sebelum tahun 2001, Mahkamah Juvana adalah mahkamah yang membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda (Farah Nini, 2007) seperti yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Juvana 1947. Selepas penggubalan Akta Kanak-kanak 2001, sistem keadilan jenayah kanak-kanak telah ditambah baik dengan penubuhan Mahkamah bagi Kanak-kanak (Mohd Al-Adib & Noor Aziah, 2014) seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian IV Akta tersebut.

Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa sivil dan jenayah (Farah Nini, 2007). Sekyen 11(5) AKK 2001 telah memperuntukkan bidang kuasa jenayah MBKK sebagai mengadili semua kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak selain daripada kes yang membawa kepada hukuman mati (Mustaffa, 2016; Farah Nini, 2007) seperti kesalahan membunuh, mengedar dadah dan memiliki senjata api (Che Rose, 2011). Manakala bidang kuasa sivil mahkamah ini adalah untuk mendengar semua permohonan berkaitan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak (Farah Nini, 2007).

Dari segi komposisi Mahkamah bagi Kanak-kanak, ia dianggotai oleh seorang Majistret dan dibantu dengan dua orang penasihat yang salah seorang daripada mereka merupakan seorang wanita seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 11(2) AKK 2001. Penasihat MBKK berperanan menasihati Majistret dalam memberikan perintah kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Namun Sekyen 11 AKK 2001 merupakan satu-satunya peruntukan berkaitan penasihat mahkamah di Malaysia. Tiada sebarang peraturan atau peruntukan undang-undang lain yang menjelaskan mekanisme pelaksanaan tugas, pelantikan dan keperluan latihan bagi penasihat MBKK.

Tidak seperti pelindung, pegawai akhlak atau pembantu pelindung apabila hal berkaitan pelantikan, fungsi, mekanisme pelaksanaan

tugas serta latihan mereka telah dijelaskan agak terperinci dalam Bahagian III, AKK 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017 dan Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009.

Selain itu, antara cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK dalam menasihati mahkamah adalah kekurangan pendedahan kepada modul dan latihan (Norazla et al, 2021). Kebanyakan penasihat tidak mempunyai latar belakang undang-undang atau kerja sosial kerana ia bukan syarat utama bagi pelantikan sebagai seorang penasihat MBKK (Norazla et al, 2021). Hal ini mengakibatkan mereka mengalami kesukaran untuk menasihati mahkamah berkaitan perintah, kaedah pemulihan dan intervensi yang sesuai kepada pesalah kanak-kanak.

Pengalaman bekerja dengan kanak-kanak atau terlibat dalam pengendalian kes kanak-kanak juga penting kerana penasihat MBKK akan menemu bual dan berinteraksi dengan kanak-kanak apabila pendengaran kes dilakukan di mahkamah. Hal ini memerlukan beberapa kemahiran tertentu seperti kemahiran berkomunikasi dengan kanak-kanak, memahami psikologi kanak-kanak atau kemahiran asas kaunseling.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti modul dan latihan sedia ada berserta isu dan cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK dan pihak-pihak terlibat berkaitan pelaksanaan modul dan latihan tersebut. Hal ini bagi menambah baik modul dan pengendalian latihan kepada penasihat MBKK agar mereka dapat berperanan secara efektif dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan serta temu bual. Bagi menjalankan kajian ini, analisis dibuat terhadap jurnal akademik, modul berkaitan dan beberapa dokumen perundangan seperti Akta Kanak-kanak 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017, Peraturan-

Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009, dan Akta Mahkamah Juvana 1947.

Bagi mendapatkan maklumat yang kebanyakannya tidak dapat diperoleh daripada sumber sekunder tersebut, temu bual separa struktur turut dijalankan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan lima orang penasihat MBKK yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar. Hal ini bagi mengenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK ketika mereka menjalankan tugas di mahkamah. Seterusnya, data temu bual dianalisis bagi mengenal pasti tema-tema tertentu dalam kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Kedudukan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia**

Kedudukan dan peranan penasihat MBKK adalah diiktiraf dan signifikan dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 11(2), (3) dan (4) Akta Kanak-kanak 2001. Peruntukan seumpamanya telah termaktub dalam Ordinan Mahkamah Juvana 1947 sejak 74 tahun yang lalu. Seksyen 11 AKK 2001 tersebut memperuntukkan:

- (2) *Mahkamah bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada seorang Majistret yang menjalankan fungsi-fungsinya sebagai suatu Mahkamah bagi Kanak-Kanak kecuali apabila membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen 39(4), 42(4), 84(3) atau 86(1), mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada suatu panel orang yang bermastautin di Negeri itu.*
- (3) *Seorang daripada dua orang penasihat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah seorang wanita.*
- (4) *Fungsi-fungsi penasihat ialah -*
  - (a) *untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah bagi Kanak-kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau pelakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu; dan*

*(b) jika perlu, untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.*

Selain itu, Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015 berkaitan Arahan Pentadbiran Berkenaan Pengendalian Kes-kes Jenayah Jalanan Secara *Fast-Track* di Mahkamah Rendah Malaya turut mengiktiraf peranan penasihat MBKK. Arahan Amalan tersebut menyarankan agar dalam kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak, pihak Mahkamah perlu berhubung dengan penasihat-penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan laporan akhlak dapat disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Walaupun bagaimanapun, penglibatan penasihat MBKK dibataskan dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi atau dalam kes yang memerlukan perbicaraan penuh iaitu apabila pesalah kanak-kanak mengaku tidak bersalah. Hal ini dijelaskan dalam seksyen 117 AKK 2001 yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menjalankan fungsinya menurut Kanun Acara Jenayah. Seksyen 18 (1) Akta Mahkamah Keadilan 1964 juga memperuntukkan bahawa Hakim di Mahkamah Tinggi akan mengendalikan perbicaraan pesalah kanak-kanak di Mahkamah Tinggi tanpa perlu kehadiran Penasihat Mahkamah (Che Rose, 2011).

Walaupun seksyen 117 AKK 2001 telah memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menjalankan fungsinya menurut Kanun Acara Jenayah (Sarirah, 2011), sebaiknya peruntukan di bawah AKK 2001 perlu dipertimbangkan dalam kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak. Namun ketidakbergantungan hakim Mahkamah Tinggi terhadap nasihat penasihat MBKK adalah mungkin berdasarkan faktor kematangan dan pengalaman hakim Mahkamah Tinggi itu sendiri.

Sementara itu, *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF) dalam laporan mereka bertajuk "*The Malaysian Juvenile Justice System: A Study of Mechanisms for Handling Children In Conflict With the Law*" pada tahun 2013 pernah mengusulkan untuk menghapuskan peranan penasihat di Mahkamah bagi Kanak-kanak. Sebaliknya, tumpuan hendaklah diberikan kepada pegawai akhlak yang bertindak menyediakan laporan kepada mahkamah (UNICEF, 2013). Usul ini seolah-olah menunjukkan bahawa daripada pemerhatian mereka, peranan penasihat MBKK kurang signifikan



dalam membantu mempercepat proses prosiding kes kanak-kanak di mahkamah.

Namun, lantikan Penasihat Mahkamah dalam memberi nasihat kepada hakim bukanlah sesuatu yang ganjil dan telah diamalkan di beberapa buah negara di dunia. Negara Singapura sebagai contoh mempunyai peruntukan undang-undang seumpama Malaysia apabila hakim Mahkamah Belia Singapura dalam memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak akan berbincang dengan dua orang panel penasihat yang dilantik oleh Presiden Singapura seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 32(3) *Children & Young Persons Act 2001* (Saibaba, A., 2012). Malah praktis yang diamalkan oleh penasihat mahkamah di Singapura dan Malaysia juga hampir sama apabila penasihat tidak memainkan peranan dengan aktif dan terlibat pada peringkat akhir iaitu ketika perintah dikeluarkan oleh Majistret (Saibaba, A., 2012).

Manakala di Mahkamah Belia India, penasihat MBKK disifatkan sebagai dua pekerja sosial yang salah satunya mestilah seorang wanita mengikut peruntukan di dalam *Juvenile Justice (Care and Protection of Children) Act 2000*. Penasihat mahkamah juga diwajibkan untuk terlibat dalam prosiding kes sehingga keputusan Mahkamah dibuat (Saibaba, 2012). Peruntukan-peruntukan tersebut bersamaan dengan peruntukan yang termaktub dalam Akta Kanak-kanak 2001.

Namun berbanding penasihat mahkamah di Malaysia dan Singapura, pekerja sosial atau penasihat di India berperanan lebih aktif selain menekankan kelayakan dan kemahiran tertentu bagi lantikan sebagai penasihat seperti mempunyai kepakaran dalam bidang psikologi kanak-kanak (Saibaba, 2012). Malah lantikan sebagai penasihat tersebut terhad kepada tempoh dua tahun sahaja.

### **Peranan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia**

Sekyen 11(4) AKK 2001 memperuntukkan penasihat MBKK berperanan untuk memaklumkan dan menasihati Majistret mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau perlakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan dan jika perlu, menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut (Mustaffa, 2016).

Secara praktisnya, penasihat MBKK diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan kanak-kanak dan ibu bapanya serta menyuarakan pendapat mereka tentang perintah atau hukuman yang diberikan. Penasihat MBKK boleh memberi syor atau pandangan kepada Majistret supaya hukuman atau perintah terhadap kanak-kanak dikurangkan atau ditambah. Pandangan dan syor yang dibuat hendaklah semata-mata demi kepentingan kanak-kanak tersebut (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8). Malah Majistret akan mengadakan perbualan ringkas bersama setiap penasihat mahkamah sebelum menyatakan keputusannya (UNICEF Malaysia, 2013).

Selain itu, penasihat MBKK boleh bertindak sebagai pihak yang berperanan untuk memastikan proses mitigasi di mahkamah berjalan lancar apabila seorang kanak-kanak telah mengaku bersalah (Informan 3). Hal ini menunjukkan penasihat MBKK turut berperanan untuk menyeimbangkan perintah yang diberikan oleh Majistret terhadap kanak-kanak sekali gus memperbaiki tanggapan bahawa mahkamah mempunyai kecenderungan untuk memberikan hukuman berat kepada kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam kajian Rahim (2008); Samuri & Awal (2009) dan Samuri & Awal (2014). Namun, ia hanya akan berlaku apabila penasihat MBKK dapat memahami dan menjalankan peranan mereka dengan baik.

Selain itu, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh penasihat MBKK seperti kurang pasti nasihat yang boleh diberikan kepada Majistret terutamanya dalam memahami bentuk perintah yang sesuai terhadap kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada (Informan 1, Informan 7 dan Informan 8). Pemahaman terhadap bentuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang perlu kerana jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah pelbagai (Informan 5). Perkara ini boleh diatasi dengan pendedahan kepada modul latihan yang menyeluruh kepada penasihat MBKK.

### **Modul dan Latihan Sedia Ada bagi Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Fakulti Undang-undang (FUU), Universiti Malaya telah membangunkan

“Modul Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak” pada tahun 2013. Jadual 1 di bawah merupakan kandungan modul tersebut.

### **Jadual 1**

#### *Modul Latihan Sedia Ada Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak*

---

<b>Perkara</b>	<b>Modul Sedia Ada</b>
Undang-undang	Sistem Undang-undang di Malaysia Tatacara Mahkamah bagi Kanak-Kanak Akta Kanak-kanak 2001 & Perintah-Perintah di Bawah Akta 611 Etika Mahkamah Laporan-laporan (yang digunakan semasa perbicaraan di MBKK) Pengenalan kepada Institusi JKM Perbicaraan olok-olok ( <i>Mock Trial</i> )

---

Sumber: Temu bual JKM (2020)

Modul ini merangkumi pendedahan kepada aspek undang-undang seperti Sistem Undang-undang di Malaysia, Tatacara Mahkamah bagi Kanak-Kanak, Akta Kanak-kanak 2001, Perintah-Perintah di Bawah AKK 2001 dan Etika Mahkamah. Penasihat MBKK turut didedahkan dengan laporan-laporan yang digunakan semasa perbicaraan di MBKK, pengenalan kepada Institusi JKM dan perbicaraan olok-olok (*Mock Trial*) (Informan 3). Keperluan kepada pemahaman Akta Kanak-kanak 2001 adalah kritikal bagi penasihat MBKK kerana mereka berperanan untuk menasihati mahkamah berkaitan perintah yang boleh diberikan kepada pesalah kanak-kanak selain memahami kesan dan akibat pemakaian peruntukan tersebut kepada kanak-kanak (Farah Nini, 2007).

Selain itu, latihan dikendalikan oleh pihak JKM dalam bentuk ceramah, perbincangan dalam kumpulan, praktikal tatacara dan etika di dalam mahkamah serta perbicaraan olok-olok (Informan 3). Namun tiada ketetapan berkaitan kekerapan latihan yang dijalankan kerana keperluan latihan bergantung kepada pelaksanaannya di peringkat JKM negeri dan terhad kepada lantikan penasihat MBKK yang baru (Informan 3).

## **Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Modul dan Latihan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak**

Antara cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK adalah untuk memahami perundangan berkaitan terutamanya Akta kanak-kanak 2001 (Informan 1, Informan 7 & Informan 8). Hal ini kerana kebanyakan penasihat MBKK bukan daripada latar belakang undang-undang atau mempunyai asas ilmu perundangan. Kekurangan pengetahuan berkaitan undang-undang dan prosedur berkaitan akan mengakibatkan seorang penasihat MBKK tidak dapat menjalankan fungsi dengan baik (Informan 1, Informan 7 dan Informan 8) dalam menasihati Majistret berkaitan syor atau perintah yang perlu diberikan kepada pesalah kanak-kanak.

*“Antara latihan yang diperlukan adalah untuk memahami Akta Kanak-kanak itu sendiri dan prosedur-prosedur mahkamah.”*

(Informan 1)

*“Dari segi pengalaman saya, saya tak faham lah undang-undang tu semua. Syor yang saya buat adalah berdasarkan laporan pegawai JKM lah”. Saya mencadangkan kursus tulah. supaya penasihat mahkamah ni lebih well verse dengan undang-undang sedikit. Sedikit pun takpe lah. Undang-undang kanak-kanak lah. Perlu ada kursus sebab kalau baca dari buku (Akta) kurang faham juga. Kena ada seseorang untuk guide.”*

(Informan 7)

*“Macam saya sendiri pun, saya tak ada pengetahuan mengenai Akta Kanak-kanak ni. Jadi saya memang setuju sahajalah dengan syor yang dikeluarkan oleh pegawai akhlak memandangkan dia lebih arif dan lebih tahu apa rasional dia membuat syor tersebut. Pengetahuan saya sendiri memang amat kurang dalam bidang ini. Itulah maksud saya.”*

(Informan 8)

Selain itu, penasihat MBKK tidak dibekalkan dengan modul berkaitan selain ketiadaan manual pelaksanaan tugas disediakan (Informan 1 & Informan 8). Hal ini mengakibatkan sesetengah penasihat MBKK

tidak memahami prosedur sebenar yang telah ditetapkan dan tidak dapat berperanan dengan baik ketika prosiding kes di MBKK (Informan 1, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Hal ini sangat bergantung kepada usaha sendiri seseorang penasihat MBKK untuk mencari maklumat dan memahami prosedur-prosedur mahkamah yang ditetapkan.

*“Tiada modul untuk rujukan melainkan Akta Kanak-kanak.”*

(Informan 1)

*“Saya tak pernah diberi taklimat ataupun sebarang kursus berkaitan tugas atau peranan penasihat mahkamah ini. Cuma saya belajar dan membuat pemerhatian bila saya hadir ke mahkamah.”*

(Informan 8)

Latihan yang dijalankan juga masih tidak mencukupi dan ia perlu dilaksanakan secara berkala terutamanya bagi penasihat MBKK yang baru dilantik (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3). Penasihat MBKK perlu didedahkan dengan maklumat dan pengetahuan berkaitan sistem undang-undang di Malaysia serta isu-isu semasa berkaitan kanak-kanak bagi membolehkan mereka dapat memberi pandangan dan nasihat kepada kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga sebelum perintah diberikan (Informan 3).

*“Diakui bahawa latihan yang dijalankan masih tidak mencukupi dan perlu dilaksanakan secara berkala terutama bagi PMBKK yang baru dilantik. Tiada ketetapan kekerapan latihan yang dijalankan kerana keperluan latihan bergantung kepada pelaksanaan di peringkat JKM negeri dan lantikan penasihat MBKK yang baharu pada satu-satu masa.”*

(Informan 3)

Walaupun terdapat keperluan mendesak berkaitan penyediaan modul dan latihan kepada penasihat MBKK, latihan ini tidak dapat diteruskan atas faktor kekangan peruntukan kewangan (Informan 3). Peruntukan kewangan yang besar diperlukan bagi menjalankan latihan kepada 850 orang penasihat MBKK seluruh Malaysia (menurut data JKM

setakat September 2020). Terkini, penasihat-penasihat MBKK ini hanya menghadiri sesi taklimat ringkas yang akan menerangkan berkaitan peranan dan bentuk-bentuk hukuman atau perintah ketika majlis penyerahan surat pelantikan sebagai penasihat MBKK di JKM negeri dan daerah masing-masing (Informan 3).

Sehubungan itu, mekanisme lain mungkin boleh difikirkan bagi mengatasi masalah kekurangan bajet latihan sama ada melantik pesara-pesara atau mantan pegawai yang pernah berkhidmat di JKM atau individu yang mempunyai pengetahuan asas berkaitan perundangan atau aktivis sosial atau pekerja sosial yang mempunyai pengalaman mengendalikan kes melibatkan kanak-kanak. Seterusnya bagi peringkat permulaan, latihan hanya akan menfokuskan penasihat MBKK yang baharu atau yang bertugas di Mahkamah bagi Kanak-kanak di negeri atau daerah yang mempunyai kes pesalah kanak-kanak yang tinggi. Namun, modul latihan masih perlu disediakan dan diberikan kepada semua penasihat MBKK yang dilantik sekurang-kurangnya sebagai panduan kepada mereka dalam menjalankan tugas sebagai penasihat mahkamah.

### **Cadangan Penambahbaikan Modul Latihan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak**

Jadual 2 dan 3 menerangkan mengenai cadangan Modul Latihan Komprehensif Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak. Dicapangkan modul tersebut dibahagikan kepada dua peringkat iaitu modul latihan asas dan modul latihan lanjutan yang perlu dihadiri oleh penasihat MBKK sepanjang tempoh mereka berkhidmat sebagai penasihat MBKK.

Modul latihan asas Penasihat MBKK dicadangkan untuk diwajibkan kepada semua penasihat yang baru dilantik bagi memastikan kefahaman dan peranan yang dimainkan oleh mereka seluruh negara adalah seragam dan mematuhi standard piawaian asas sebagai seorang penasihat MBKK yang bertauliah.

Modul latihan lanjutan pula dicadangkan kepada penasihat MBKK yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua hingga empat tahun pengalaman, lantikan dan berkhidmat sebagai penasihat kepada mahkamah. Modul latihan lanjutan ini bersifat lanjutan bagi memastikan kepakaran dan pengalaman yang telah diperolehi oleh para penasihat boleh dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.

## **Modul Latihan Asas**

Kandungan modul latihan asas penasihat MBKK adalah seperti yang dicadangkan dalam Jadual 2 di bawah.

### **Jadual 2**

#### *Cadangan Kandungan Modul Latihan Asas Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak*

<b>Perkara</b>	<b>Modul Sedia Ada</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Undang-undang	Sistem Undang-undang di Malaysia Tatacara Mahkamah bagi Kanak Kanak Akta Kanak-kanak 2001 & Perintah-Perintah di Bawah Akta 611 Mahkamah Laporan-laporan (yang digunakan semasa perbicaraan di MBKK) Pengenalan kepada Institusi JKM Perbicaraan olok-olok ( <i>Mock Trial</i> )	Tambahan: Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 Kanun Jenayah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara Pengadilan/ Keadilan Restoratif
Psikologi dan Kaunseling	Tiada	Cadangan Modul: Perkembangan Kanak-Kanak Teori Tingkah Laku Teori Kognitif Modifikasi Tingkah Laku
Kerja Sosial	Tiada	Cadangan Modul: Model Biopsikosial Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak Perlindungan Kanak-Kanak Penempatan Kanak-kanak

Sumber: Jal Zabdi et al, 2020

Modul yang dicadangkan ini akan menambah baik modul sedia ada selain turut mencakupi ilmu dan kemahiran lain seperti psikologi dan kaunseling dan kerja sosial. Ilmu dan kemahiran pelbagai amat diperlukan bagi menasihati pesalah kanak-kanak atau ibu dan bapa atau penjaganya sekaligus membantu proses pemulihan kanak-kanak

tersebut. Modul perbicaraan olok-olok (*Mock Trial*) masih dikekalkan sebagai latihan awal untuk menghadapi situasi atau prosiding sebenar di Mahkamah.

Begitu juga dengan modul undang-undang yang turut dikekalkan tetapi perlu dikemas kini seiring perkembangan undang-undang semasa seperti Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Kanun Jenayah dan akta lain yang terkait. Hal ini kerana modul tersebut telah digubal pada 2013 iaitu sebelum pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001 pada 2016 dan penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 umpamanya telah meminda seksyen 91 dengan memansuhkan hukuman sebatan sebaliknya memasukkan perintah khidmat masyarakat sebagai salah satu perintah yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah. Penekanan kepada seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001 dan Pindaan 2016 adalah sangat perlu kerana ia berkait dengan bentuk-bentuk perintah yang boleh diberikan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Selain itu, akta baharu seperti Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 adalah menerangkan tiga jenis kesalahan seksual terhadap kanak-kanak (selain daripada yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan) iaitu pornografi, pengantunan dan amang seksual.

Selain itu, pendedahan kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara juga adalah penting bagi memahami prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dan perlindungan kanak-kanak. Seiring dengan perkembangan terkini sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia, penasihat MBKK akan turut diberi pendedahan berkaitan Pengadilan / Keadilan Restoratif sebagai satu pendekatan alternatif kepada sistem hukuman konvensional yang bersifat retributif (Jal Zabdi et al, 2020). Kaedah ini menggalakkan penyertaan aktif pesalah, ahli keluarga dan komuniti setempat dalam membantu memulihkan pesalah kanak-kanak (Jal Zabdi et al, 2020).

Secara tidak langsung, penasihat MBKK dapat membantu untuk memperkenalkan konsep pengadilan restoratif yang dilihat boleh memberikan keadilan kepada pesalah kanak-kanak seperti mana yang dipraktikkan di beberapa buah negara seperti Belgium, Singapura, Ireland, Finland dan Thailand (Noor Aziah, 2020). Antara bentuk pengadilan dan pemulihan pesalah tersebut ialah *Family*



*Conferencing, Victim Offender Reconciliation Program (VORP)* dan lain-lain. Fungsi Mahkamah bagi Kanak-kanak seharusnya tidak terhad dengan menghantar kanak-kanak ke institusi sahaja sebaliknya mempertimbangkan kaedah-kaedah lain sebagai intervensi sekaligus memulihkan dan mengembangkan kefungsi sosial kanak-kanak tersebut.

Pendedahan penasihat MBKK kepada ilmu psikologi kanak-kanak dan kemahiran asas kaunseling juga penting bagi membantu penasihat MBKK dalam sesi temu bual bersama kanak-kanak di dalam mahkamah. Modul pengenalan kepada ilmu psikologi kanak-kanak dan kemahiran asas kaunseling tersebut hendaklah merangkumi perkembangan kanak-kanak, teori tingkah laku, teori kognitif dan modifikasi tingkah laku selain beberapa kemahiran asas kaunseling yang perlu dikuasai oleh penasihat MBKK seperti kemahiran membina hubungan, melayan, memberi perhatian, mendengar, menyoal, konfrontasi, meminta penjelasan dan sebagainya.

Aspek lain yang mungkin boleh dipertimbangkan adalah pendedahan kepada ilmu asas sosiologi dan antropologi. Secara asasnya, ia dilakukan bagi mengimbangi keputusan yang bakal diputuskan oleh Majistret yang secara umumnya akan membuat keputusan berdasarkan fakta dan peruntukan perundangan. Ilmu sosiologi seperti kawalan sosial, keluarga, devians dan kriminologi dapat membantu penasihat MBKK dalam mengenal gaya hidup, komunikasi, pola pemikiran dan perubahan sikap kanak-kanak untuk menerima hukuman yang setimpal bagi kesalahan yang mereka lakukan (Rahimin Affandi, 1997). Kanak-kanak yang terdedah kepada persekitaran atau budaya kehidupan yang tidak sihat umpamanya akan cenderung kepada sesuatu yang negatif (Rahimin Affandi, 2004). Melalui kemahiran ilmu sosiologi ini, penasihat MBKK boleh mengenal pasti punca dan risiko-risiko yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut (Rahimin Affandi, 2004) seterusnya kanak-kanak ini boleh dipulihkan melalui kaedah-kaedah pemulihan atau perintah yang sewajarnya.

Mengambil kira perkembangan terkini, pendedahan kepada kerja sosial lebih relevan kepada penasihat MBKK. Antara cadangan modul dan aspek yang perlu ditekankan kepada penasihat MBKK ialah model biopsikososial, konsep kepentingan terbaik dan perlindungan kanak-kanak seperti yang digariskan dalam CRC serta pengetahuan berkaitan penempatan kanak-kanak. Penasihat MBKK juga perlu memahami konsep Jagaan dalam Komuniti seperti Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK), Rumah Tunas Harapan, Jagaan dalam Institusi

seperti Rumah Kanak-Kanak, Taman Sinar Harapan, Asrama Akhlak dan Sekolah Tunas Bakti selain pilihan-pilihan lain seperti penyatuan keluarga (*family reunification*).

Maka bagi tujuan tersebut, pakar yang berpengalaman seperti ahli akademik, pengamal undang-undang, psikologis, kaunselor berdaftar, kriminologis, sosiologis dan pekerja sosial yang bertauliah dan berpengalaman akan dikumpulkan dalam satu jawatankuasa atau dalam kumpulan jurulatih. Pasukan jurulatih ini akan berkongsi ilmu dan pengalaman dalam memberi kefahaman berkaitan peruntukan undang-undang dan ilmu berkaitan dalam siri-siri latihan yang dijalankan.

### ***Modul Latihan Lanjutan***

Kandungan modul latihan lanjutan penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak adalah seperti yang dicadangkan dalam Jadual 3 di bawah.

### **Jadual 3**

#### *Cadangan Kandungan Modul Latihan Lanjutan Penasihat Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak*

<b>Perkara</b>	<b>Modul Sedia Ada</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Simulasi Kes / Perbicaraan Olok-Olok / <i>Role Play</i> ( <i>Secara Intensif</i> ) Lawatan Sambil Belajar	Tidak diwajibkan.  Kemudahan sedia ada seperti di Institut Sosial Malaysia (ISM) tidak digunakan secara maksimum.  Tiada	Memanfaatkan kemudahan prasarana di bawah KPWKM seperti Mahkamah moot di ISM.  Lawatan sambil belajar ke institusi pemulihan dan perlindungan kanak-kanak sama ada di dalam atau luar negara. Pemerhatian dan penglibatan dalam sesi pemulihan seperti bengkel interaktif, khidmat masyarakat dan sebagainya.

Sumber: <http://www.ism.gov.my/>

Modul latihan lanjutan penasihat MBKK ini akan menekankan aspek praktikal pelaksanaan tugas penasihat MBKK. Latihan ini akan memberi nilai tambah kepada penasihat MBKK apabila berpeluang untuk meningkatkan kemahiran melalui simulasi kes, perbicaraan olok-olok atau *role play* secara intensif. Latihan lanjutan ini akan dikendalikan oleh pasukan jurulatih yang bertindak sebagai fasilitator dan penilai. Pasukan ini akan turut dianggotai oleh beberapa orang mantan penasihat mahkamah dan pekerja sosial yang berpengalaman atau pegawai-pegawai dan mantan pegawai JKM yang terlibat secara langsung dalam prosiding kes kanak-kanak.

Latihan lanjutan ini akan dihadiri oleh sekitar 40 hingga 50 orang peserta sahaja bagi setiap sesi latihan. Hal ini bagi memastikan bahawa setiap penasihat mahkamah boleh benar-benar menguasai modul latihan lanjutan ini. Kemudian mereka akan dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil bagi melaksanakan perbicaraan olok-olok/*role play*. Setiap kumpulan akan diberikan fakta kes atau skrip asas dan setiap orang daripada mereka perlu melakonkan watak sebagai penasihat mahkamah, pesalah kanak-kanak, Majistret, pegawai akhlak, pelindung kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga dan pendakwa raya atau pembantu pendakwa raya.

Selain itu, dicadangkan agar latihan simulasi kes turut diadakan. Sepuluh skrip asas akan disediakan sebagai panduan simulasi kepada setiap pasangan penasihat mahkamah. Mereka perlu melakukan simulasi menasihati kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Pada penghujung setiap sesi, peranan dan nasihat yang diberikan oleh penasihat-penasihat mahkamah tadi akan diteliti dan diulas oleh jurulatih yang dilantik. Hasil daripada simulasi kes, perbicaraan olok-olok atau *role play* yang dijalankan dalam Modul Latihan Lanjutan Penasihat MBKK ini diharap boleh meningkatkan kecekapan dan kepakaran para penasihat MBBK.

Bagi pelaksanaan modul latihan simulasi kes, perbicaraan olok-olok atau *role play* tersebut, kemudahan prasarana di bawah KPWKM seperti Institut Sosial Malaysia (ISM) boleh dimanfaatkan. Institut latihan ini mempunyai fasiliti yang lengkap untuk pelbagai aktiviti latihan seperti pusat sumber, auditorium, galeri, bilik kuliah, mahkamah moot, makmal komputer, gelanggang serbaguna, dewan makan dan asrama.

Mahkamah Moot umpamanya boleh dimanfaatkan untuk mengadakan sesi latihan perbicaraan olok-olok yang bersifat praktikal berkaitan kes kanak-kanak. Ia sesuai dengan matlamat penubuhan ISM sebagai sebuah institut latihan awam (ILA) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berfungsi untuk merancang dan melaksanakan latihan serta menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran pekerja dan pengamal sosial agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang awam di Malaysia (<http://www.ism.gov.my/>).

Selain latihan simulasi kes, perbicaraan olok-olok atau *role play*, penasihat MBKK turut berpeluang untuk menambah pengetahuan dan meluaskan pengalaman melalui program lawatan sambil belajar ke institusi pemulihan dan perlindungan kanak-kanak di dalam atau luar negara seperti Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Puteri, Sekolah Henry Gurney dan lain-lain. Pemerhatian dan penglibatan langsung dalam mana-mana sesi pemulihan yang dijalankan seperti bengkel interaktif, khidmat masyarakat dan sebagainya akan dapat menambah ilmu dan pengalaman penasihat MBKK berkaitan ilmu terkini daripada aktiviti dan institusi terbabit.

Bagi lawatan sambil belajar ke luar negara pula, para penasihat MBKK boleh mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri dan disokong penajaan daripada pihak swasta untuk melakukan lawatan sambil belajar ke luar negara yang sudah ke hadapan dalam pelaksanaan penasihat mahkamah kanak-kanak seperti di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Selain itu, pengalaman negara-negara tersebut dalam pemilihan penasihat mahkamah dalam kalangan pekerja sosial dan pemakaian keadilan restoratif secara meluas kepada kanak-kanak (Noor Aziah, 2020) boleh dijadikan penanda aras.

### **Cadangan Pelaksanaan Modul Latihan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak**

Modul Latihan Asas ini disarankan untuk dilaksanakan selama dua hari. Aspek perundangan akan diberikan tumpuan pada hari pertama. Pada hari pertama juga dicadangkan untuk turut diadakan sesi libat urus atau dialog antara penasihat MBKK dan pihak-pihak yang terlibat

seperti JKM, Mahkamah, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Peguam Negara. Dialog ini bertujuan membincangkan isu-isu yang timbul dan cabaran yang dihadapi ketika mengendalikan prosiding kes kanak-kanak di mahkamah. Manakala hari kedua akan menumpukan aspek psikologi dan kaunseling, kerja sosial serta simulasi kes oleh wakil JKM atau mahkamah. Cadangan tentatif pelaksanaan Modul Latihan Asas adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah.

#### **Jadual 4**

##### *Cadangan Tentatif Pelaksanaan Modul Latihan Asas Penasihat MBKK*

<b>Hari</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pengisian</b>
Pertama	Ice Breaking	Sesi 1: Pengenalan Kepada Sistem Undang-undang di Malaysia dan Tatacara Mahkamah bagi Kanak-Kanak Peneraju: Majistret/ Jabatan Peguam Negara. Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Sesi 2: Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara Peneraju: Pakar Akademik dalam Bidang/ Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
	Pengenalan Kepada Undang-undang	Sesi 3: Akta Kanak-kanak 2001 & (Pindaan) 2016, Perintah-Perintah di bawah Akta 611 dan Aplikasi dalam Kes/Prosiding Melibatkan Kanak-kanak Peneraju: Pakar Akademik dalam Bidang/ Majistret/ Jabatan Peguam Negara. Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Sesi 4: Pengenalan kepada Kanun Jenayah, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan akta lain yang berkaitan Peneraju: Pakar Akademik dalam Bidang/ Peguam/ Jabatan Peguam Negara Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Sesi 5: Etika Mahkamah Peneraju: Majistret / Peguam/ Jabatan Peguam Negara Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

(sambungan)

<b>Hari</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pengisian</b>
Kedua	Sesi Libat Urus/ Dialog	Sesi 6: Perkongsian Contoh-contoh Laporan dan Pengenalan kepada Institusi JKM Peneraju: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Sesi 7: Pengenalan kepada Keadilan Restoratif Peneraju: Pakar akademik dalam Bidang/Majistret Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
	Pengenalan kepada Psikologi dan Kaunseling	Sesi 8: Pengenalan kepada Psikologi dan Kaunseling dalam Penasihat Mahkamah Kanak-kanak Peneraju: Kaunselor berdaftar /Pakar akademik dalam bidang Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
	Keja Sosial	Sesi 9: Memahami Isu Sosial Kanak-kanak di Malaysia Peneraju: Pakar akademik dalam bidang/ Pekerja Sosial Kanak-Kanak yang berpengalaman/ Pakar yang diiktiraf oleh Bahagian Kanak-Kanak (JKM) Disusuli Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
	Perbincangan Olok-olok/role play/ Simulasi Kes Penutup	Simulasi Pengendalian Kes Sebenar Peneraju: Wakil JKM, Jabatan Peguam Negara & Majistret Penutup oleh wakil JKM/ BHEUU, JPM

Jadual 5 di bawah adalah cadangan tentatif pelaksanaan Modul Latihan Lanjutan bagi modul simulasi kes/perbincangan olok-olok/*role play* (secara intensif).

### **Jadual 5**

*Cadangan Tentatif Pelaksanaan Modul Latihan Lanjutan Penasihat MBKK (Simulasi Kes/Perbincangan Olok-Olok/Role Play) (secara intensif)*

<b>Hari</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pengisian</b>
Pertama	<i>Ice Breaking</i>  Perbincangan Olok-olok/ <i>Role Play</i>	Taklimat Hala Tuju Penasihat MBKK Penceramah wakil daripada JKM Sesi 1: Taklimat Tugasan Perbincangan Olok-olok/ <i>Role-Play</i> Sesi 2: Perbincangan Kumpulan Sesi 3: Perbincangan Olok-olok/ <i>Role- Play</i> dan Penilaian

(sambungan)

---

<b>Hari</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pengisian</b>
Kedua	Simulasi Kes	Sesi 1: Taklimat Tugas Simulasi Kes Sesi 2: Perbincangan Tugas Simulasi Kes Sesi 3: Simulasi Kes dan Penilaian
	Penutup	Penutup oleh wakil JKM/ BHEUU, JPM

---

Cadangan atur cara pelaksanaan Modul Latihan Lanjutan Penasihat MBKK (Lawatan Sambil Belajar) adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6.

### **Jadual 6**

*Cadangan Atur Cara Pelaksanaan Modul Latihan Lanjutan Penasihat MBKK (Lawatan Sambil Belajar)*

---

<b>Hari</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pengisian</b>
Pertama	Lawatan Sambil Belajar	Taklimat: Tujuan Lawatan Oleh Wakil Penasihat Mahkamah  Sesi 1: Lawatan ke pusat/institusi terlibat Sesi 2: Penerangan mengenai institusi oleh wakil institusi Sesi 3: Dialog bersama Pelatih  Penutup dan Penyampaian Cenderahati

---

### **Isu-isu dalam Pelaksanaan Cadangan Modul Penambahbaikan Latihan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak**

Terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan berkaitan pelaksanaan cadangan modul penambahbaikan latihan penasihat MBKK seperti badan pelaksana modul latihan, peruntukan berkaitan kewajipan menjalani latihan, kekerapan latihan dan isu-isu berkaitan. Hal ini memerlukan satu garis panduan dan peraturan yang jelas supaya tidak timbul isu berbangkit pada kemudian hari.

Bagi membincangkan perkara ini, peraturan-peraturan yang telah diwujudkan kepada pelindung, pegawai akhlak atau pembantu pelindung dalam Bahagian III, AKK 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017 dan Peraturan-Peraturan Kanak-kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009 adalah turut dirujuk.

### *Badan Pelaksana Modul Latihan*

Walaupun secara asasnya latihan ini dikendalikan oleh JKM negeri masing-masing (Informan 3), namun pihak Mahkamah bagi Kanak-kanak, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Kebajikan Malaysia boleh bekerjasama untuk mengendalikan latihan ini. Hal ini demikian kerana institusi-institusi ini adalah pihak yang terlibat secara langsung dengan penasihat MBKK. Pelantikan penasihat MBKK umpamanya adalah di bawah bidang kuasa BHEUU (Informan 3 dan Informan 6) manakala pemilihan dan saringan dilakukan oleh JKM (Informan 3) dan mahkamah merupakan tempat penasihat MBKK ditempatkan untuk menjalankan tugas. Maka sinergi antara pihak-pihak ini penting agar modul ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### *Kewajipan Menghadiri Latihan*

Tiada peruntukan berkaitan latihan dimuatkan dalam seksyen 11 Akta Kanak-kanak 2001 atau mana-mana peraturan berkaitan. Hal ini berbeza dengan pembantu pelindung apabila keperluan latihan kepada mereka diperuntukkan dalam Peraturan 5 dan 6, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017. Maka sebaiknya, peruntukan berkaitan kewajipan menjalani latihan turut terpakai kepada penasihat MBKK. Maka perlu diwujudkan peruntukan undang-undang berkaitan agar keperluan latihan dilihat sebagai satu perkara penting kepada penasihat MBKK.

### *Kekerapan Menjalani Latihan*

Selain itu, antara perkara yang perlu dipertimbangkan berkaitan pelaksanaan latihan adalah kekerapan latihan dalam setahun iaitu sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lantikan atau sekali dalam tempoh setahun lantikan, bilangan hari menjalani latihan iaitu tidak melebihi tiga hingga lima hari berturut-turut, pemberian cuti oleh majikan bagi tujuan menjalani latihan dan larangan pemuangan kerja atas alasan kewajipan menghadiri latihan sebagai penasihat MBKK (sekiranya penasihat Mahkamah bukan dalam kalangan pesara kerajaan/swasta). Peruntukan-peruntukan ini terkandung dalam Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017 yang terpakai kepada pembantu pelindung. Namun peruntukan-peruntukan ini juga boleh dicadangkan bagi menjelaskan isu kekerapan menjalani latihan penasihat MBKK.



### *Kehadiran Latihan Sebagai Pertimbangan Lantikan Semula Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak*

Setiap penasihat MBKK perlu menamatkan Modul Latihan Komprehensif penasihat MBKK tersebut. Namun, mereka juga digalakkan untuk menghadiri latihan-latihan lain secara berkala seperti menghadiri ceramah, seminar, kolokium dan konvensyen yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kehadiran ke program-program tersebut mungkin boleh diambil kira sebagai pertimbangan lantikan semula penasihat MBKK selepas tamat tempoh perkhidmatan selama dua tahun. Hal ini demikian kerana tiada mekanisme tertentu yang ditetapkan oleh JKM bagi proses pelantikan semula penasihat MBKK selain tiada pemantauan khusus berkaitan prestasi dan kompetensi penasihat MBKK yang ditetapkan oleh mana-mana pihak.

## **PENUTUP**

Peranan penasihat MBKK adalah signifikan dalam melindungi kanak-kanak di dalam mahkamah. Namun, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan antaranya dengan menambah baik modul sedia ada selain turut memberi penekanan kepada aspek pelaksanaan latihan. Modul latihan tersebut mestilah mencakupi tiga aspek utama iaitu undang-undang, psikologi dan kaunseling serta kerja sosial. Penasihat MBKK juga perlu dibekalkan dengan modul atau garis panduan pelaksanaan tugas seterusnya latihan secara intensif diperlukan bagi menyempurnakan kandungan silibus modul tersebut. Malah mereka juga digalakkan untuk menghadiri latihan-latihan lain secara berkala seperti menghadiri siri ceramah, kolokium dan konvensyen yang dianjurkan oleh mana-mana pihak sebagai nilai tambah kepada ilmu dan kemahiran sedia ada. Sebaiknya, keperluan latihan bagi penasihat MBKK diperjelaskan dalam undang-undang atau peraturan-peraturan seperti yang diperuntukkan kepada pembantu pelindung melalui Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017.

Selain itu, penyediaan modul dan pengendalian latihan biasanya memerlukan peruntukan kewangan yang besar terutamanya bagi menyediakan latihan kepada setiap penasihat MBKK yang telah dilantik di seluruh negara. Maka isu berkaitan kekurangan bajet latihan perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak terlibat kerana pendedahan kepada modul dan latihan ini penting sebagai usaha memperkasakan

peranan penasihat di mahkamah. Maka dicadangkan bahawa latihan ini dipertimbangkan untuk dilaksanakan terlebih dahulu kepada penasihat MBKK yang baharu atau yang bertugas di Mahkamah bagi Kanak-kanak di negeri atau daerah yang mempunyai kes pesalah kanak-kanak yang tinggi.

Pendedahan kepada modul dan latihan ini sebenarnya boleh membantu penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak untuk berfungsi dengan lebih berkesan. Ia akan menambah wibawa sekali gus meningkatkan profesionalisme penasihat MBKK dalam memastikan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dapat diadili, dipulihkan dan diberikan perlindungan yang sewajarnya.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini adalah salah satu hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik di bawah dana Geran Penyelidikan Sekunder (GPS) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2019/P/GPIK/GPS-007.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahim, R. A. (1997). Gerakan tajdid di Malaysia: Teori dan reality. Dalam Mahmud Zuhdi Hj. Abdul Majid. Dinamisme Pengajian Syariah. Berita Publishing.
- Abdul Rahim, R. A. (2004). Menangani cabaran globalisasi: Satu analisis terhadap pemikiran reformis semasa. Dalam *Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti & Che Zarrina Sa'ari. Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.
- Abdul Wahab, N., Md Abd Salam, N. Z., & Mohamad Dahlan, H. (2021). Legal framework of the advisor of the court for children in Malaysia: An analysis. *Asian Journal of Law and Governance*. 3(1), 98-103.
- Abdul Wahab, N., Md Abd Salam, N. Z., & Mohamad Dahlan, H. (2021). Kedudukan dan peranan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia: Isu dan cabaran. *International Journal of Law, Government & Communication*, 6(24), 84-103.

- Akta Kanak-kanak 2001
- Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016
- Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90) (Dimansuhkan)
- Che Rose, S. (2011). Prosedur perbicaraan kes jenayah kanak-kanak di mahkamah tinggi. *Voice of Academia (VOA)*, 6(2), 109-124.
- Dusuki, F. N. (2007). Perkembangan mahkamah bagi kanak-kanak di Malaysia. *Pentadbiran Keadilan: Artikel Terpilih*. (Eds.1). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff et al (2020). *Keadilan Restoratif bagi Kanak-kanak di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Kerja Sosial*. Penerbit Universiti Malaya. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*)
- Md Isa, Y., & Anis Suhaiza. (2007). Kewajaran mahkamah bagi kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 3, 61-67.
- Mustaffa, A. (2016). Diversion under Malaysian juvenile justice system: A case of too little too late? *Asian Journal of Criminology*, 11(2), 135-153.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2020). Sistem pengadilan restoratif bagi kanak-kanak di Malaysia dari perspektif undang-undang dalam keadilan restoratif bagi kanak-kanak di Malaysia: Perspektif undang-undang dan kerja sosial. Penerbit Universiti Malaya.
- Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai). (2009). Peraturan-peraturan kanak-kanak (Pasukan perlindungan kanak-kanak dan pasukan kebajikan kanak-kanak) 2017.
- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017.
- Rahim, A. A. (2008). Isu perundangan mengenai hukuman jenayah oleh kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 12, 1-12.
- Saibaba, A. (2012). Juvenile justice: Critically juxtaposing the models in India and Singapore. *Working Paper Series 28*. Asia Law Institute.
- Samuri, M. A., & Mohd. Awal, N. A. (2009). Hukuman terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia: pencegahan atau pemulihan? *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 13, 35-54.
- Samuri, M. A., & Mohd Awal, N. A. (2014). Berkeras patah berlembut lentur perintah bagi pesalah kanak-kanak. Penerbit UKM.
- Temubual Informan 1, (9 Mac 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Mahkamah Selayang, Selangor.

- Temubual Informan 3, (8 September 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga.
- Temubual Informan 4, (21 September 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Petaling Jaya, Selangor.
- Temubual Informan 5, (21 September 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Kuala Lumpur.
- Temubual Informan 7, (27 Oktober 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Pekan, Pahang.
- Temubual Informan 8, (27 Oktober 2020). *Kerangka penambahbaikan penasihat mahkamah dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Cameron Highland, Pahang.
- UNICEF, 2013 Report: The Malaysian Juvenile Justice: A Study on Mechanisms for Handling Children in Conflict with the Law.
- Yusof, W., & Abdul Rahim, A. (2014). The age of criminal responsibility from the perspective of Malaysian shariah law. *Canadian Center of Science and Education*. 10(10), 95-104.